MOD.100-2/1/2 Jld 8 ( ) 07/05

KOMITMEN MALAYSIA DI PERSIDANGAN SHANGRI-LA DIALOGUE 2026 PERKUKUH KERJASAMA PERTAHANAN ANTARABANGSA

1. **SINGAPURA, 31 Mei 2026 - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin** telah mengetuai delegasi Malaysia ke Persidangan **International Institute for Strategic Studies (IISS) Shangri-La Dialogue 2026** yang berlangsung di Singapura dari 29 hingga 31 Mei 2026.

2. Penyertaan Malaysia dalam persidangan pertahanan paling berprestij di rantau Asia Pasifik itu telah mencatatkan beberapa hasil signifikan, termasuk **pengukuhan hubungan pertahanan dengan lebih 10 negara rakan, penyertaan dalam inisiatif keselamatan infrastruktur bawah laut bersama 16 negara serta penerokaan peluang kerjasama industri pertahanan** yang berpotensi menyumbang kepada pembangunan keupayaan pertahanan negara dan pemerkasaan industri pertahanan tempatan.

3. Persidangan kali ini telah dibuka secara rasmi melalui ucaptama oleh Presiden Vietnam, TYT Tô Lâm, yang **menekankan kepentingan memperkukuh kepercayaan strategik, pengurusan persaingan secara bertanggungjawab, ASEAN Centrality, serta pematuhan kepada undang-undang antarabangsa termasuk UNCLOS 1982**.

4. Sepanjang persidangan, YB Menteri Pertahanan telah mengadakan siri pertemuan dua hala bersama rakan sejawat dan pegawai kanan pertahanan dari **Amerika Syarikat, Perancis, Itali, Kanada, Australia, New Zealand, Norway, Republik Czech, Qatar, Singapura** dan **Thailand**. Perbincangan tertumpu kepada usaha **memperkukuh kerjasama pertahanan, meningkatkan perkongsian maklumat strategik termasuk Maritime Domain Awareness (MDA), serta mempererat koordinasi dalam menghadapi cabaran keselamatan serantau dan global yang semakin kompleks**.

5. Malaysia turut memanfaatkan platform ini untuk **meneroka peluang kerjasama industri pertahanan melalui pertemuan dengan Embraer Defense & Security**. Perbincangan memberi tumpuan kepada potensi kerjasama yang menyokong **pembangunan keupayaan pertahanan negara, pemindahan teknologi serta pengukuhan ekosistem industri pertahanan tempatan**.

6. Antara pencapaian penting Malaysia di Shangri-La Dialogue 2026 ialah **penyertaan dalam pelancaran Guiding Principles for Underwater Infrastructure Defence Exchanges (GUIDE) bersama 16 negara lain**. Penglibatan ini mencerminkan komitmen Malaysia dalam **memperkukuh perlindungan infrastruktur bawah laut kritikal yang menjadi tunjang kepada keselamatan, ekonomi dan kesalinghubungan global**.

7. Pada sesi pleno kelima persidangan, YB Menteri Pertahanan telah menyampaikan pendirian Malaysia mengenai **kepentingan pengurusan ketegangan serantau secara bertanggungjawab, pematuhan kepada undang-undang antarabangsa serta keperluan memperkukuh kerjasama keselamatan global bagi memastikan Indo-Pasifik kekal aman, stabil dan makmur**.

8. Penyertaan aktif Malaysia di Shangri-La Dialogue 2026 memperlihatkan komitmen berterusan negara **dalam mendukung penyelesaian berasaskan dialog, memperkukuh diplomasi pertahanan** dan **menggalakkan kerjasama pelbagai hala demi menjamin keamanan sejagat**. Pendekatan ini selaras dengan **Tonggak Ketiga Strategi Pertahanan Negara, iaitu Perkongsian Berwibawa yang menekankan kepentingan hubungan pertahanan antarabangsa dalam mempertahankan kedaulatan negara dan memelihara kestabilan serantau**.

9. Turut serta dalam delegasi berkenaan ialah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Dato' Seri Haji Malek Razak Sulaiman; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertahanan, Datuk Mohd Yani Daud; Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, Leftenan Jeneral Dato' Haji Fazal Haji Abdul Rahman; Ketua Eksekutif Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MIDAS), Laksda Datuk Yusne Hj Mokhtar dan Asisten Ketua Staf Perancangan Pertahanan Markas Angkatan Tentera Malaysia, Mejar Jeneral Amer Mahmud Abdul Rahman TUDM.

-TAMAT-

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Kementerian Pertahanan Malaysia
31 Mei 2026